

Headline	<b>MSC open eye world (MSC buka mata dunia)</b>		
Date	<b>04. Mar 2007</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Mingguan Malaysia</b>	Page No	<b>10</b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Article Size	<b>81 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>570824</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>2498000</b>	Color	<b>Full Color</b>



## MSC buka mata dunia

SEDEKAD yang lalu Croatia kagum dengan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berhasrat menjadikan projek itu sebagai panduan bagi pembangunan teknologi maklumat (IT) di negara itu. Perdana Menteri Croatia, Zlatko Matesa menyatakan konsep MSC adalah baik bagi pembangunan Croatia pada masa depan dalam pelbagai bidang.

Pemimpin Croatia itu berkeyakinan bahawa MSC akan mencapai kejayaan dan seterusnya menjadikan Malaysia negara perindustrian sepenuhnya.

Sedekad telah berlalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDec), Mimos Bhd., dan Bank Pembangunan Islam (IDB) yang mengadakan kerjasama untuk melaksanakan pembangunan sosioekonomi melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). E-Madinah adalah salah satu projek multimedia di Arab Saudi yang melantik MDec sebagai perunding strategi. E-Madinah yang merupakan projek untuk melaksanakan E-kerajaan di Madinah. Di atas perkembangan projek Koridor Raya Multimedia yang canggih kini syarikat tempatan telah menjadi perunding strategi. Ini menunjukkan idea pelaksanaan MSC bukan sekadar sebuah idea yang bagus, malah ia adalah sebuah projek yang hebat dan terlaksana serta menjadi perhatian dunia luar.

– Sumber: *Utusan Melayu* 4 Mac 1997